

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID

(B) [LUMUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak peka menjual kepentingan negara dalam urusan menjana tenaga elektrik (IPP) sehingga firma asing menguasai lebih 50 peratus daripada nilai ekuiti yang ditawarkan dan keadaan ini boleh mengancam keselamatan negara.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

Industri tenaga adalah satu industri di mana mekanisme kawalannya begitu ketat, termasuk proses pelesenan dan pematuhan peraturan daripada pelbagai badan berkuasa, termasuk Kementerian

Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (“KeTTHA”), Suruhanjaya Tenaga (“ST”), pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Alam Sekitar.

Industri tenaga ini secara ringkasnya mempunyai 3 aspek utama. Pertama ialah pembekalan bahan api atau *fuel supply* (dengan izin), kedua, penjanaan tenaga atau *generation* (dengan izin) dan ketiga, pengagihan tenaga atau *distribution* (dengan izin).

Di Malaysia, stesen jana kuasa bebas perlu mendapatkan bekalan bahan api utama daripada Tenaga Nasional Bhd (“TNB”) yang mengawal pembekalan arang batu sementara Petroliam Nasional Bhd (“Petronas”) membekalkan gas.

Stesen jana kuasa bebas di Malaysia yang dimiliki oleh pelabur persendirian telah dibenarkan beroperasi sejak tahun 90-an lagi apabila monopoli penjanaan tenaga pihak TNB ditamatkan. Namun demikian, tarif penjualan tenaga oleh penjana tenaga bebas kepada TNB ditetapkan melalui Perjanjian Pembelian Tenaga (“PPA”) jangka masa panjang. Tarif ini tidak boleh ditukar walaupun terdapat perubahan pemegang saham syarikat jana kuasa bebas. Sebarang semakan semula tarif memerlukan persetujuan ST dan TNB.

Pengagihan tenaga di Malaysia hanya boleh dilaksanakan oleh pihak TNB yang akan membeli tenaga mengikut terma dan syarat PPA di mana TNB juga boleh mengambil alih operasi stesen jana kuasa sekiranya berlaku pelanggaran kontrak oleh penjana tenaga bebas.

Selain itu, kajian yang dijalankan di kawasan serantau mendapati Singapura, Thailand, Australia dan Indonesia tidak mengenakan sekatan ke atas penguasaan 100% ekuiti asing di dalam sektor tenaga di negara masing-masing adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Amalan
1.	Singapura	1. YTL Power International (Malaysia) menguasai 100% saham di dalam syarikat YTL PowerSeraya yang berkapasiti 3100MW; 2. Huaneng Power International (China) menguasai 100% syarikat Tuas Power yang berkapasiti 2670MW.
2.	Thailand	J-Power (Jepun) menguasai beberapa stesen jana kuasa tenaga di Thailand termasuk 90% pegangan di dalam syarikat Nong Saeng dan U-Thai berkapasiti 1600MW.
3.	Australia	CLP Group (dari Hong Kong) menguasai 100% pegangan syarikat Energy Australia berkapasiti 3500MW.
4.	Indonesia	Siemens (Germany), YTL Power (Malaysia) dan Marubeni Corporation (Japan) menguasai 85% pegangan di dalam syarikat PT Jawa Power berkapasiti 1220MW.

Justeru itu, berdasarkan penjelasan di atas, adalah dirumuskan

bahawa Malaysia mempunyai sistem pemantauan dan undang-undang yang ketat ke atas industri pembekalan tenaga elektrik. Tambahan pula, pihak Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan atau *Government Linked Companies (GLC)* (dengan izin) masih menguasai 100% aspek pembekalan bahan api dan aspek pengagihan tenaga manakala aspek penjanaan telah pun diswastakan sejak tahun 90-an lagi.

Oleh itu, pemegangan ekuiti melebihi 50% di dalam stesen jana kuasa bebas oleh pihak asing tidak memberikan sebarang impak negatif dan tidak akan mengancam keselamatan negara.